

Pelajar IPT perlu ceburi sukan tingkat kemahiran

NILAI 30 Mei – Penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara disarankan supaya melibatkan diri dengan sukan sebagai langkah awal meningkatkan keupayaan dan kemahiran mereka apabila menempuh alam pekerjaan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, langkah tersebut selari dengan hasrat Kementerian dalam menyediakan pelajar terutamanya dalam soal pasaran.

Katanya, melalui aktiviti sukan beberapa ciri atau kemahiran insaniah dapat diterapkan pada diri pelajar seterusnya dipraktikkan dalam kehidupan seharian dan kerjaya apabila mereka menamatkan pengajian.

“Sebagai contoh, dalam sukan kita sememangnya tahu wujud persaingan. Jika ciri ini dapat diterapkan dalam diri pelajar, sudah pasti ia dapat membantu mereka untuk bersaing secara positif sekali gus meningkatkan diri dalam kerjaya diceburi.

“Selain itu, melalui sukan, pelajar dapat mengadaptasi ciri dan kemahiran berpasukan, ini juga memberi kelebihan apabila ciri ini diaplikasikan dalam dunia pekerjaan,” katanya.

Mohamed berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa II 2010 di Stadium Tertutup Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini hari ini.

Jelasnya, Kementerian memberi penekanan dalam sukan bukan semata-mata untuk mencungkil bakat baru, namun ia untuk menyedar-

kan golongan itu terhadap ciri-ciri yang boleh diperolehi melalui sukan.

“Kita mempunyai tugas penting dalam menyedarkan mereka tentang betapa penting ciri dan kemahiran insaniah ini dapat membantu mereka terutamanya dalam dunia pekerjaan.

“Ini kerana, dalam sukan ada kalah dan menang, justeru ini akan mendidik mereka mencapai kemenangan, matlamat atau objektif sebenar dalam apa jua bidang yang mereka ceburi,” katanya.

Pada majlis tersebut, Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengekalkan penguasaan dalam temasya Masum Fasa II apabila meraih kutipan pingat tertinggi yang diadakan di kampus USIM bermula 23 Mei lalu dan berakhir semalam.

Dalam kejohanan tersebut, UiTM berjaya meraih 18 pingat emas, tujuh perak dan sembilan gangsa.

Daripada lapan acara yang dipertandingkan sepanjang temasya itu, UiTM muncul johan keseluruhan bagi kategori Futsal lelaki dan perempuan, Pencak Silat, Bola Baling lelaki dan perempuan dan Taekwando.

Sementara itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) pula berada di kedudukan kedua dengan jumlah pungutan pingat sebanyak sembilan emas dan enam gangsa.

Tuan rumah, USIM pula mencipta kejutan apabila berjaya meraih tempat ketiga apabila meraih tujuh pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa.

Piala pusingan dan hadiah bagi setiap acara yang dipertandingkan itu disampaikan oleh Mohamed di sini hari ini.



MOHAMED Khaled Nordin beramah mesra dengan para atlet pada Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia Fasa II 2010 di Stadium Tertutup Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia, semalam.